

Headline	KINI BOLEH TIDUR LENA		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	20 Aug 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	38
Section	Setempat	Journalist	Mahaizura Abd
ArticleSize	725 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 85,682		



# ‘KINI BOLEH TIDUR LENA’

## ■ Projek Baiti Jannati TNB bantu bayar sewa rumah tertunggak RM5,000

**Mahaizura Abd Malik**

mahaizura@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

“**L**ega tak payah bayar sewa rumah lagi.

Sebelum ini hari-hari saya tak lena tidur kerana asyik fikirkan beban sewa tertunggak lebih RM5,000,” demikian kata seorang mualaf, Muhammad Hafiz Prem Singh Balbir Singh.

Muhammad Hafiz Prem Singh, 44, antara 23 penerima sumbangan Projek Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad (TNB) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016.

Menurut bapa kepada tiga anak itu, kesihatannya yang semakin merosot akibat kencing manis, darah tinggi, gout serta masalah jantung menyukarkan dia mencari nafkah sebagai ketua keluarga.

“Dalam tempoh lima tahun ini saya kerap berulang ke hospital kerana masalah kesihatan merosot.

“Setiap bulan saya perlu buat pemeriksaan bulanan dengan doktor mengakibatkan perbelanjaan kami meningkat,” katanya.

Menurutnya, akibat masalah kesihatannya itu

dia terpaksa mengehadkan masa membawa teksi hingga pendapatan mereka sekeluarga berkurangan.

“Jika dulu saya boleh pandu teksi 24 jam cari duit, tetapi sekarang hanya lima jam saya mampu bertahan kerana kaki tak sihat macam dulu.

“Saya ada tiga anak, seorang daripada mereka lembam sedang bersekolah manakala dua lagi bekerja sambil belajar dalam bidang automobil serta keselamatan,” katanya yang menyewa teksi daripada orang lain.

Katanya, pendapatan yang tidak menentu mengakibatkan sewa bulanan rumah yang diduduki sejak sembilan tahun lalu tertunggak lebih RM5,000.

“Isteri, Norhayati Zulkifli, 43, yang menghidap asma turut membantu dengan mengambil upah menjahit manik baju secara kecil-kecilan.

“Walaupun kami sudah bajet perbelanjaan rumah dan makan ala kadar saja, tetapi saya masih tak mampu bayar sewa RM124 sebulan sehingga ia menccah lebih RM5,000,” katanya sempena Majlis

Penyerahan Replika Kunci Program Perumahan Rakyat-Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR-MTEN) dan Perumahan Awam DBKL kepada 23 keluarga di bawah Program Baiti Jannati TNB 2016 di Keramat Mall di sini, semalam.

Hadir menyerahkan sumbangan berkenaan, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Mansor. Turut hadir, Ketua Pegawai Korporat TNB Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

Sementara itu, ibu tunggal, Norlelawati Daud, 40, pula hilang upaya untuk bekerja berikutan lumpuh badan sebelah kanan sejak lebih dua tahun lalu.

Menurut ibu kepada tiga anak berusia antara lima hingga 16 tahun itu, dia hany bergantung harap dengan bantuan Baitulmal RM600 sebulan bagi membayai perbelanjaan isi rumah.

“Ketika menerima berita ini saya menangis kegembiraan kerana tak sangka selama 15 tahun menyewa daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), akhirnya kami dapat rumah sendiri.

“Terima kasih kepada TNB dan DBKL serta pihak berkaitan kerana memilih kami sebagai penerima dalam Projek Baiti Jannati TNB pada tahun ini.

“Pemberian ini membolehkan kami tinggal di rumah lebih selesa selepas dicat baru, kerosakan dibaiki selain paip karat diganti baru,” katanya.

Bermula 2016, konsep pelaksanaan Projek Baiti Jannati di Kuala Lumpur disasarkan kepada

golongan asnaf yang menetap di PPR di bawah pentadbiran DBKL.

Proses pemilihan penerima layak dinilai oleh sebuah jawatankuasa yang dianggotai TNB, DBKL, Kementerian Wilayah Persekutuan serta Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Dalam projek ini, TNB membeli kediaman yang diduduki golongan asnaf terpilih daripada DBKL dan seterusnya membaik pulih dengan kos membabitkan RM1.150 juta bagi 23 penerima yang layak.

“**I**steri yang menghidap asma turut membantu dengan mengambil upah menjahit manik baju secara kecil-kecilan”

**Muhammad Hafiz**

Headline	KINI BOLEH TIDUR LENA		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	20 Aug 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	38
Section	Setempat	Journalist	Mahaizura Abd
ArticleSize	725 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 85,682		

**RM1.150j**

>>Kos beli kediaman,  
baik pulih rumah untuk  
23 penerima yang layak



TENGKU Adnan (empat dari kiri) bersama penerima sumbangan pada Majlis Penyerahan Replika Kunci Program Perumahan Rakyat-Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR-MTN) dan Perumahan Awam DBKL, semalam.

Headline	KINI BOLEH TIDUR LENA		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	20 Aug 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	38
Section	Setempat	Journalist	Mahaizura Abd
ArticleSize	725 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 85,682		



NORLELAWATI menunjukkan sumbangan Program Baiti Jannati TNB di Flat Sri Kelantan, Sentul.

Headline	KINI BOLEH TIDUR LENA		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	20 Aug 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	38
Section	Setempat	Journalist	Mahaizura Abd
ArticleSize	725 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 85,682		



**NORHAYATI**  
membantu suami  
dengan mengambil  
upah menjahit.